

**“MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA
(PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING - RPEL)
& SIJIL PERHEBAT”**

**28 MEI 2024 (SELASA) | 10.00 PAGI
DEWAN JUBLI PERAK, KOMPLEKS PERHEBAT
KEM SUNGAI BULOH, SUNGAI BULOH, SELANGOR**

1. Alhamdulillah dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita bersama-sama diberikan kesempatan untuk hadir dan menyempurnakan **MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING – R-PEL)** dan **SIJIL PERHEBAT**.
2. Terima kasih kepada PERHEBAT atas undangan dan penghormatan ini.
3. Pastinya saya amat berbesar hati kerana berpeluang untuk bertemu dengan bakal pesara dan veteran ATM serta menyampaikan Diploma dan sijil kelayakan ini kepada saudara dan saudari semua.
4. Sekalung tahniah dan syabas kerana telah berjaya mengikuti program ini dengan sempurna.
5. Dan setinggi-tinggi penghargaan juga kepada barisan pengajar PERHEBAT yang telah melatih dan membimbing kelompok kali ini.

Saudara-saudari sekalian,

6. Kementerian Pertahanan melalui Kertas Putih Pertahanan (KPP) memberi keutamaan dan komitmen tinggi terhadap inisiatif pembangunan modal insan dan sosioekonomi kepada Bakal Pesara dan Veteran ATM.
7. Ini termasuklah inisiatif bagi membantu menyediakan anggota ATM yang bakal bersara untuk berhadapan dengan alam persaraan dan peralihan untuk merebut peluang kerjaya kedua setelah tamat perkhidmatan.
8. Dan jika kita lihat, sejak akhir-akhir ini, isu berkaitan pemerkasaan PERHEBAT dan keupayaan institusi ini untuk memberi persediaan menghadapi kerjaya kedua kepada bakal pesara telah turut sering dibangkitkan di Parlimen.

9. Ini bermakna, peranan PERHEBAT dan *outcomes* program yang dilaksanakan menjadi perhatian kepada masyarakat.
10. Atas dasar itulah, semasa Perutusan Tahun Baharu yang saya sampaikan pada awal tahun ini, salah satu perkara yang saya tekankan adalah agar PERHEBAT diperhebat.
11. Seruan itu saya tegaskan atas beberapa sebab yang jelas.
12. **Pertama, kerana saya sangat percaya, Kementerian Pertahanan dan ATM mesti mengambil tanggungjawab moral untuk bersama-sama membangunkan satu ekosistem yang berkesan dalam menyediakan bakal pesara dengan segala latihan dan pendedahan yang bersesuaian.**
13. Ini bagi memastikan bakal perasa ATM berupaya untuk kembali ke dalam masyarakat dengan pemikiran/ *mindset* yang betul dan kemahiran yang diperlukan.
14. Kedua-dua elemen ini akan sekali gus akan membantu melebarkan peluang untuk bakal pesara ATM meneroka kerjaya kedua dengan lebih baik dan bermaruah.
15. **Kedua, saya percaya bahawa kita semua mesti sentiasa proaktif dan terbuka dalam mencari jalan terbaik dan terkini untuk membantu bakal pesara dan veteran ATM.**
16. Apatah lagi cabaran dan tuntutan abad ke 21 mesti dihadapi dengan keterbukaan untuk meneroka sektor dan kemahiran baharu.
17. Perkara yang relevan dan bersesuaian 5 tahun lepas, mungkin sudah tidak diperlukan sekarang.
18. Dan jurang kemahiran akan terus melebar dengan kehadiran pelbagai teknologi dan hambatan aplikasi digital yang sangat deras dan tidak menunggu sesiapa.
19. Pemikiran yang melihat peranan dan fungsi PERHEBAT hanya terhad kepada penyediaan latihan yang bersifat asas dan ringkas sudah tidak sesuai sama sekali.

20. Sekali pun berlaku lonjakan besar yang menyaksikan lebih 93% bakal pesara memilih untuk mengikuti latihan bersama perhebat, berbanding hanya kira-kira 42% sebelum ini, perkara tersebut tidak seharusnya menjadi kayu ukur muktamad dalam menilai keberkesanan PERHEBAT.
21. PERHEBAT merekodkan pencapaian memberangsangkan dengan kira-kira **60% veteran** kini telah mempunyai kerjaya kedua.
22. Sekali pun pencapaian ini memberangsangkan, kita juga mesti meneliti dan memberi perhatian untuk memahami dengan lebih mendalam situasi dan faktor mengapa kira-kira 40% veteran masih sedang dalam proses mencari pekerjaan.
23. Ini bermakna, masih banyak lagi ruang pengukuhan dan pemantapan yang perlu sama-sama kita usahakan.
24. Kita tidak boleh mudah berpuas hati.
25. PERHEBAT mesti bergerak secara lebih radikal, progresif dan inovatif.
26. Selain meneruskan segala semakan dan kerjasama yang ada dengan pelbagai agensi, GLC dan pihak yang berkepentingan, PERHEBAT mesti proaktif memata kerjasama dan pendekatan baharu yang boleh memberikan manfaat kepada para pelatih.
27. Misalnya, dengan **menetapkan secara jelas dan strategik apakah bidang atau sektor kompetitif yang ingin diterokai**.
28. Bidang-bidang atau sektor yang dikenal pasti tersebut boleh dikongsikan dengan pihak Kementerian agar boleh kami di Kementerian dijadikan asas dalam merundingkan bentuk dan corak Industrial Collaboration Program (ICP) atau *offset program* dengan pelbagai pihak industri dan pembekal yang mempunyai obligasi kontrak dengan ATM atau MINDEF.
29. Pendekatan sebegini bukan sahaja akan membuka ruang dan peluang yang lebih bermakna kepada bakal pesara dan veteran ATM.
30. Sebaliknya menjadi satu amalan yang memberi nilai tambah penting kepada ekosistem pertahanan negara kita.

31. Malah, adalah munasabah untuk kita mengharapkan PERHEBAT mengambil pendekatan mengenal pasti pihak industri dan melakukan **pelbagai usaha padanan pekerjaan atau *jobs matching* secara berkesan** dan meluas. Mungkin kita boleh mulakan dengan anak-anak syarikat di bawah LTAT. Perkara ini sudah pasti akan menjadi cara terbaik untuk kita menghubungkan secara terus golongan veteran dan bakal pesara ATM dengan pekerjaan yang berkualiti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

32. Saya memberi jaminan bahawa usaha memberi nilai tambah dan peluang kepada anggota dan veteran untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi dan meningkatkan kebolehpasaran dalam sektor pekerjaan akan terus diperkasa dan diperhebat.
33. Buat masa sekarang, PERHEBAT dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah melaksanakan Program *Recognition of Prior Experiential Learning* atau R-PEL yang menyediakan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM), Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM).
34. Selain itu, banyak kerjasama dengan pelbagai agensi dan pemain industri di luar sana telah dilakukan.
35. Malah, hari ini sahaja, sebanyak 8 lagi memorandum persefahaman (MoU) bakal dimeterai di antara PERHEBAT dan syarikat swasta, institusi perbankan dan universiti tempatan.
36. Ini termasuklah Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, GIATMARA, GGS Global Sdn. Bhd. dan Bravo Energy Sdn. Bhd. bagi program latihan dan penempatan pekerjaan.
37. Manakala, MoU bersama Affin Islamic Bank Bhd., Bank Muamalat Malaysia Bhd. dan Bank Simpanan Nasional bakal menyediakan latihan dan insentif perniagaan kepada veteran ATM. Saya ucapkan terima kasih atas kerjasama yang diberikan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

38. Saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua bakal pesara ATM untuk

sesi kali ini. Terima kasih atas sumbangan pada negara serta jasa bakti yang dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan saudara dan saudari semua.

39. Sesungguhnya negara sangat terhutang budi dan akan terus mengenang dan menghargai semua keringat dan pengorbanan tersebut.
40. Dan sekali lagi saya mengucapkan sekalung tahniah atas kejayaan menamatkan latihan ini.
41. Semoga segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi akan menjadi salah satu persediaan penting untuk saudara dan saudari semua mengharungi dunia persaraan dalam alam kerjaya yang kedua.
42. Saya harap, apabila saudara dan saudari semua kembali ke pangkuan masyarakat nanti, jangan lupakan Kementerian ini dan ATM. Bantulah kami untuk meyakinkan masyarakat di luar akan peranan dan sumbangan penting mereka dalam bersama-sama menjaga keselamatan dan kedaulatan negara.
43. Jadilah suara-suara yang mewakili MINDEF dan ATM untuk mengajak masyarakat bersama-sama menyumbang dan menjayakan pendekatan *whole of society* yang kita usahakan bersama selama ini.
44. Akhir sekali, selamat menempuh alam persaraan, selamat kembali ke pangkuan masyarakat dan meneroka kerjaya kedua, dan selamat maju jaya kepada semua.
45. Dengan lafaz *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan sukacitanya merasmikan **“MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA (PROGRAM RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING - RPEL) DAN SIJIL PERHEBAT”**
46. Sekian, Wabillahhitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
47. Terima kasih.